

**PROJEK RUNDINGAN/PENYELIDIKAN  
KEBERKESANAN KERJA SOSIAL DI DALAM  
PENGURUSAN BENCANA DI PUSAT  
PERPINDAHAN SEMENTARA**

**UMS-ISM, 2022**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Projek rundingan penyelidikan ini bertajuk “Keberkesanan Kerja Sosial Pengurusan Bencana di Pusat Perpindahan Sementara (PPS). Objektif penyelidikan ini adalah untuk:

- (i) Mengumpul maklumat mengikut demografi, lokasi dan bentuk bencana dimana kejadian bencana kerap berlaku di seluruh Malaysia;
- (ii) Mengenalpasti bagaimana pengurusan bencana oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya JKM di setiap lokasi berlakunya bencana dari segi bantuan yang disalurkan dan program yang dijalankan di PPS; dan
- (iii) Mengenal pasti keberkesanan pengurusan bencana oleh pihak-pihak tanggungjawab.

Penyelidikan ini telah dilaksanakan bagi tempoh lima (5) bulan iaitu dari bulan Mei 2022 - September 2022 oleh sekumpulan pensyarah dari Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, UMS. Pendekatan Mixed-methods telah digunakan di dalam proses pengumpulan data. Proses penyelidikan dimulai dengan pengumpulan data kualitatif menggunakan kaedah temubual ke atas beberapa kumpulan fokus yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mangsa-mangsa bencana yang pernah tinggal di PPS. Hasil daripada temubual kumpulan fokus, pemerhatian (lawatan-lawatan) ke premis PPS dan data sekunder seperti laporan-laporan kes bencana (statistik) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, satu set soal selidik telah dibina. Set soal selidik yang terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu - Bahagian A untuk pengumpulan data demografi dan Bahagian B untuk mengukur keberkesanan kerja sosial pengurusan bencana di PPS. Bahagian B terdiri daripada tujuh (7) domain atau aspek iaitu:

- (i) Aspek Kemahiran dan Pengetahuan mengandungi empat-belas (14) item;
- (ii) (ii) Aspek Perkhidmatan di PPS yang mengandungi sepuluh (10) item;
- (iii) (iii) Aspek Prinsip dan Etika mengandungi sepuluh (10) item;
- (iv) (iv) Aspek Kebersihan yang mengandungi lapan (6) item;
- (v) (v) Aspek Pengurusan yang mengandungi tujuh (7) item;
- (vi) (vi) Aspek Sukarelawan mengandungi lima (5) item, dan akhir sekali
- (vii) (vii) Aspek Keselamatan yang juga mengandungi lima (5) item. Jumlah keseluruhan item bagi keseluruhan soal selidik ini adalah lima puluh tujuh (57) kesemuanya.

Hasil kajian kuantitatif menunjukkan bahawa tahap keberkesanan kerja sosial pengurusan bencana di PPS pada keseluruhannya adalah pada tahap “sederhana tinggi”. Dua aspek yang sangat sinonim dengan profesion kerja sosial iaitu pertama, aspek “Prinsip dan etika” dan kedua, aspek “Kemahiran dan pengetahuan” sedikit mendahului aspek-aspek lain. Untuk kelihatan lebih kompeten dan berkesan di dalam proses menolong dan amalan kerja sosial, kakitangan (pekerja sosial) hendaklah dapat menunjukkan kecekapan mereka di dalam praktis lebih-lebih lagi di dalam situasi krisis yang dihadapi seperti bencana selain daripada sememangnya kakitangan atau pekerja social bekerja dengan “individu” manusia yang secara prinsipnya perlu diperlakukan sebagai

seorang manusia atau kerana bekerja dengan manusia lebih-lebih lagi individu yang sedang berada di dalam keadaan krisis. Manakala bagi aspek “Kemahiran dan pengetahuan” pula, di dalam keadaan krisis, kemahiran di dalam menolong adalah amat diperlukan. Ini termasuk kemahiran di dalam berkomunikasi, kemahiran di dalam membina hubungan, kemahiran mendengar, kemahiran membuat keputusan, kemahiran pengurusan. Manakala bagi “pengetahuan” pula, merangkumi ilmu pengetahuan dan maklumat-maklumat berkaitan yang diperlukan oleh dan bersangkutan dengan mangsa-mangsa bencana.

Huraian dua aspek di atas dapat memenuhi salah satu justifikasi kajian di mana kajian ini seharusnya mendapat komitmen daripada pihak berkepentingan dalam mengenalpasti kaedah Kerja Sosial dalam Pengurusan Bencana oleh Agensi JKM di PPS di Malaysia di setiap peringkat termasuk kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, tempatan, komuniti dan NGO. Dalam erti kata lain penekanan kepada asas pendidikan kerja sosial iaitu Prinsip dan Etika serta Kemahiran dan Pengetahuan adalah sangat penting di dalam praktis kerja sosial. Aspek-aspek lain seperti “keselamatan”, “pengurusan”, “kebersihan” dan “perkhidmatan” pula juga sama pentingnya. Aspek-aspek ini adalah juga antara perkhidmatan dan program yang sedia ada disediakan oleh pihak JKM di PPS. Aspek-aspek ini berkait dengan SOP pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) semasa bencana oleh agensi JKM.

Tahap keberkesanan aspek “Sukarelawan” ditunjukkan pada tahap yang “rendah”. Aspek ini sangat penting di PPS kerana ia dapat membantu kakitangan JKM di dalam pengendalian dan pengurusan bencana di PPS. Namun, menunjukkan tahap keberkesanan yang rendah. Ini mungkin disebabkan oleh penglibatan berbagai pihak di dalam membantu di PPS. Sebagai contoh, JPAM, RELA dan NGO berkaitan. Dengan adanya penglibatan pelbagai pihak, ini mungkin kurang penyelarasan, arahan yang kurang tepat atau arahan yang tidak jelas kepada kelompok atau kumpulan sukarelawan. Secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti empat (4) perkara seperti yang dinyatakan di bawah:

(i) Peranan agensi JKM dalam pengurusan di PPS.

Bila disebut tentang peranan pihak JKM, apa yang tepat di sini adalah tentang amalan kerja sosial di dalam proses menolong seperti “prinsip dan etika” juga “kemahiran dan pengetahuan”. Selain daripada penyediaan aspek-aspek lain seperti “keselamatan”, “pengurusan”, “kebersihan” dan “sukarelawan”.

(ii) Membangunkan 2 penandaarasan keperluan mangsa.

(iii) Analisis situasi semasa, ini melibatkan laporan hasil kajian Bahagian A iaitu maklumat Demografi responden selaku mangsa bencana. Daripada hasil kajian perlu diteliti dan diambil perhatian maklumat pekerjaan (bekerja sendiri), tahap pendidikan (SPM) dan tempat PPS di mana ramai yang memilih untuk tinggal di luar PPS yang disediakan. Mangsa bencana lebih memilih untuk tinggal di rumah keluarga atau rumah jiran sekampung yang tidak menjadi mangsa bencana berbanding tinggal di PPS yang disediakan. Selain itu, jumlah pendapatan (kategori B40) dan jenis bencana iaitu banjir yang dilaporkan tertinggi.

(iv) Mengenal pasti isu dan cabaran oleh pekerja sosial

Tempat perpindahan sementara adalah konsep penting untuk perancangan tempat

perpindahan dari segi menyokong hak mangsa untuk hidup dengan bermaruah dan pulih daripada bencana yang mereka alami dan tempat perpindahan sementara harus selamat daripada faktor risiko fizikal dan menyediakan kestabilan bagi mereka yang tinggal di sana untuk mendapatkan semula kesihatan fizikal dan keselamatan mental mangsa.

Pengurusan bencana tidak dapat bergantung kepada sesuatu agensi atau organisasi sahaja tetapi memerlukan kolaborasi pelbagai agensi dan pemegang taruh. Satu rangkaian penyelarasan yang sistematik dan teratur perlu dibuat bagi memastikan kerja-kerja bantuan di PPS dapat berjalan secara efektif. Keperluan untuk pengurusan kualiti dalam operasi kemanusiaan dan pengurusan bantuan bencana, di mana kualiti boleh ditakrifkan sebagai "tahap di mana keputusan program yang dinyatakan di peringkat akhir sedang atau telah dicapai".